


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-6	Al-An'aam	165	22	Makkiyyah	Ke-55	7



Zaman Diturunkan

Surah al-An`aam diturunkan di peringkat akhir Rasulullah s.a.w. berada di Mekah, betul-betul sebelum Baginda berhijrah pada tahun ke-13 Kenabian. Surah ini merupakan intisari da`wah Baginda selama 13 tahun di Mekah, di dalamnya juga terdapat kata dua untuk orang-orang kafir Quraisy di Mekah.

Ayat 33 berdasarkan hadits yang dha`if mungkin diturunkan berikutan kata-kata Abu Jahal bahawa orang-orang musyrikin Mekah tidaklah mendustakan diri Muhammad, mereka hanya mengingkari ayat-ayat al-Qur`an yang dida`wa Muhammad diturunkan kepadanya (Lihat Sunan at-Tirmizi, Kitab Tafsir al-Qur`an, Bab Tafsir Surah al-An`aam, Hadits 3064).

Ciri-Ciri Khusus Surah al-An`aam

1. Surah al-An`aam merupakan pendedahan tentang kemungkaran-kemungkaran dan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh orang-orang musyrikin Mekah. Di dalamnya tersebut bermacam-macam bentuk kesyirikan yang dilakukan mereka. Di dalamnya juga tersebut bermacam-macam jenis tauhid. Setelah mengemukakan bantahan dan kritikan orang-orang musyrikin Mekah, jawapan yang membungkam mereka diberikan. Ancaman kebinasaan juga diberikan kepada mereka secara umum.
2. Dari segi tertib susunan surah, empat Surah Madaniyyah terletak berturut-turut selepas Surah al-Fatihah, iaitu al-Baqarah, Aali `Imraan, an-Nisaa' dan al-Maa'idah. Di dalamnya terkandung pendedahan tentang kemungkaran-kemungkaran dan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh Bani Israil, seruan kepada Ahli Kitab supaya menerima Islam dan hubungan antara mereka dengan umat Islam.
3. Bermula dari Surah al-An`aam, mizaj (ragam) al-Qur`an mula bertukar, ia mula berbicara tentang Bani Isma'il, secara khususnya orang-orang Quraisy Mekah. Dua Surah Makkiyyah bermula dari sini dan pembaca mulai merasa gaya bahasa yang agak berlainan dari gaya bahasa yang terdapat di dalam surah-surah sebelumnya.

Perkaitan Dan Kesenambungan Antara Surah Al-An`Aam Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya.

1. Di dalam Surah al-Maa'idah dikemukakan **شرك في التشريع** yang tersebar dengan meluas di kalangan Yahudi dan Nashara, ia menggambarkan sekularisma yang menguasai kehidupan mereka. Di dalam Surah al-An`aam pula, selain beberapa perkara yang lain diterangkan pula **شرك في التشريع** yang berlaku di kalangan musyrikin Mekah.

2. Di dalam ayat ke-6 Surah al-An`aam Allah menyebutkan secara umum tentang kebinasaan dan kemusnahan umat-umat yang dahulu, di dalam Surah al-A`raaf selepas ini pula disebut secara terperinci perihal enam kaum terdahulu yang dibinasakan. Amaran terakhir diberikan kepada orang-orang kafir Quraisy Mekah. Di dalamnya disebutkan sunnatullah berhubung dengan punca-punca kebinasaan bangsa dan umat manusia di samping sunnatullah berhubung dengan pertukaran kuasa di antara bangsa dan umat manusia.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Penting Di Dalam Surah Al-An`Aam

1. Penghinaan terhadap **غَيْرُ اللَّهِ** yang dijadikan sebagai sembah dan tuhan selain Allah. Soalan-soalan berbentuk monolog untuk menolak pegangan dan kepercayaan orang-orang musyrikin dikemukakan:

(a) Untuk menolak Sifat Rububiyyah pada **غَيْرُ اللَّهِ** (selain Allah) dikatakan **قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَبْغِي رَبًّا** (Ayat: 164).

(b) Untuk menolak ibadat kepada **غَيْرُ اللَّهِ** (selain Allah) dan **شُرْكُ فِي الدِّعَاءِ** (syirik dalam doa) dikatakan **أَغَيْرَ اللَّهِ تَدْعُونَ** (Ayat: 40).

(c) Untuk menolak **غَيْرُ اللَّهِ** sebagai pelindung dan sebagai penjaga manusia dikatakan **قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ اتَّخَذُ وَلِيًّا** (Ayat: 14).

(d) Untuk menolak kuasa-kuasa pada **غَيْرُ اللَّهِ** dikatakan **قُلْ أَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا** (Ayat: 71).

(e) Untuk menolak kekuasaan dan kehakiman **غَيْرُ اللَّهِ** dan **شُرْكُ فِي التَّشْرِيعِ** dikatakan **أَفَغَيْرَ اللَّهِ أَبْتَغِي حَكْمًا** (Ayat: 114).

2. Dalam membantah kepercayaan orang-orang musyrikin yang menyamakan **غَيْرُ اللَّهِ** dengan Allah, digunakan dua kali lafaz **يَعْدِلُونَ** (menyamakan atau mempersekutukan) iaitu pada ayat 1 dan ayat 150.

Untuk menolak **شُرْكُ فِي الذَّاتِ**, satu dalil aqli diletakkan di hadapan mereka, bahawa kalau Allah tidak mempunyai isteri atau teman wanita bagaimana pula Dia akan mempunyai anak? **أَنَّى يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ وَلَمْ تَكُنْ لَهُ صَاحِبَةٌ** (Ayat: 101).

3. Dalam menyabitkan tauhid ilmu, dikatakan Allahlah yang memiliki anak-anak kunci ghaib (Ayat: 59). Ilmunya meliputi segala sesuatu (Ayat: 80). Allah mengetahui tentang segala sesuatu (Ayat: 101).

4. Perbezaan di antara konsep **حَمْد** dan **تَسْبِيح** dikemukakan dalam ayat yang sama untuk menjelaskan tentang tauhid tanzih. Dia yang memberi makan, bukan dia yang diberi makan **وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ** (Ayat: 14).

5. Beberapa perkara di bawah ini dikemukakan sebagai bukti kepada tauhid dalam kekuasaan:

(a) Allah berkuasa membinasakan bangsa-bangsa أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ (Ayat: 6).

(b) Allah memotong akar umbi kaum dan bangsa yang zalim فَقُطِعَ دَابِرُ الْقَوْمِ الَّذِينَ ظَلَمُوا (Ayat: 45).

(c) Tidakkah kamu perhatikan bahawa azab Allah juga secara tiba-tiba dan tidak di sangka-sangka boleh menimpa? فَلَنْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَتَاكُمْ عَذَابُ اللَّهِ بَغْتَةً أَوْ جَهْرَةً (Ayat: 47).

(d) Allah boleh menyeksa sesiapa yang dikehendakiNya dengan bermacam-macam cara: (1) Dengan melepaskan hujan, kilat dan lain-lain dari arah atas (2) Dengan mencetuskan gempa bumi, tanah runtuh dan banjir dan lain-lain dari bawah (3) Dengan mencetuskan perang antara bangsa-bangsa dan puak-puak berkepentingan di dunia.

قُلْ هُوَ الْقَادِرُ عَلَى أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِّنْ فَوْقِكُمْ أَوْ مِنْ تَحْتِ أَرْجُلِكُمْ أَوْ يَلْبِسَكُمْ شِيْعًا وَيُذِيقَ بَعْضَكُمْ بَعْضًا ۚ إِنَّظِرْ

كَيْفَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لَعَلَّهُمْ يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

65. Katakanlah: "Dia lah yang berkuasa menghantar kepada kamu azab seksa (bala bencana), dari sebelah atas kamu, atau dari bawah kaki kamu, atau Ia menjadikan kamu bertentangan dan berpecah-belah - berpuak-puak, dan Ia merasakan sebahagian daripada kamu akan perbuatan ganas dan kejam sebahagian yang lain". Perhatikanlah bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan (yang menunjukkan kebesaran Kami) dengan berbagai cara, supaya mereka memahaminya.

(e) Allah s.w.t berkuasa menghilangkan pendengaran, pengelihatan dan Dia juga berkuasa mengunci mati hati manusia. Jika Allah melakukan begitu, tiada siapa pun غَيْرُ اللَّهِ dapat mengembalikan semua yang tersebut itu kepada seseorang.

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَخَذَ اللَّهُ سَمْعَكُمْ وَأَبْصَارَكُمْ وَخَتَمَ عَلَى قُلُوبِكُمْ مِّنْ إِلَهِ غَيْرِ اللَّهِ يَتَّبِعْكُم بِهِ ۖ أُنْظِرْ كَيْفَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ ثُمَّ هُمْ

يَصْدِفُونَ ﴿٦٦﴾

46. Katakanlah (wahai Muhammad): "Bagaimana fikiran kamu, jika Allah melenyapkan pendengaran serta penglihatan kamu, dan Ia pula memeteraikan atas hati kamu? Siapakah Tuhan selain Allah yang berkuasa mengembalikannya kepada kamu?" Lihatlah bagaimana Kami berulang-ulang menerangkan tanda-tanda kebesaran Kami (dengan berbagai cara), dalam pada itu, mereka tetap juga berpaling - ingkar.

(f) Dengan memberi kepada manusia kuasa di bumi, Allah hendak menguji mereka sebenarnya.

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۚ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ

165. Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(g) Setelah Allah memberi kuasa dan nikmat kepada seseorang atau segolongan manusia, jika ia tidak bersyukur, Allah boleh membinasakan mereka dan menggantikan mereka dengan orang-orang lain untuk menguji mereka pula.

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا آخَرِينَ ﴿١٦٥﴾

6. Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat-umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, padahal (umat-umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka mereka, dan Kami ciptakan sesudah mereka, umat yang lain?

6. Berhubung dengan tauhid haakimiyyah dan tauhid tasyri' dikatakan bahawa Allahlah yang berkuasa meluluskan dan melaksanakan segala hukum-hakam. Dialah hakim dan Dialah yang mengadakan undang-undang.

(a) Hukum yang sebenar dan tepat hanya berpunca dari Allah, Dialah yang menghukum dengan tepat dan memberi keputusan yang terbaik.

قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُمْ بِهِ ۚ مَا عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ ۚ إِنِ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ يَقُصُّ الْحَقُّ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ ﴿٥٧﴾

57. Katakanlah: "Sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (Al-Quran) dari Tuhanku; sedang kamu mendustakannya. Tidak ada padaku apa yang kamu minta disegerakan (dari azab seksa); hanya Allah jualah yang menetapkan hukum; Ia menerangkan kebenaran, dan Dia lah sebaik-baik yang memberi keputusan".

(b) Hanya Allah penguasa dan pengawas makhluk yang sebenar, hukumNya sahaja yang sah berjalan dan Dia paling segera menghitung.

ثُمَّ رُدُّوْا إِلَى اللَّهِ مَوْلَاهُمْ الْحَقَّ ۚ لَا لَهُ الْحُكْمُ وَهُوَ أَسْرَعُ الْحَاسِبِينَ ﴿٦٢﴾

62. Kemudian mereka (yang diambil nyawanya itu) dikembalikan kepada Allah Pengawas mereka yang sebenar (yang akan membalas dengan adil). Ketahuilah, bagi Allah jua lah kuasa menetapkan hukum (pada hari kiamat itu), dan Dia lah secepat-cepat Pengira - Penghitung.

(c) Tidak harus dijadikan sesiapa pun pengadil selain Allah apabila Allah telah menurunkan hukum yang jelas kepada orang-orang Islam.

أَفَعَبَّرَ اللَّهُ أَتْبَعِي حَكَمًا وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا وَالَّذِينَ ءَاتَيْنَهُمُ الْكِتَابَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُ مُنْزَّلٌ مِّن رَّبِّكَ بِالْحَقِّ فَلَا

تَكْوَنَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿١١٤﴾

114. (Katakanlah wahai Muhammad): "Patutkah aku (terpedaya dengan kata-kata dusta Syaitan-syaitan itu sehingga aku) hendak mencari hakim selain dari Allah, padahal Dia lah yang menurunkan kepada kamu kitab Al-Quran yang jelas nyata kandungannya satu persatu (tentang yang benar dan yang salah)?" Dan orang-orang yang Kami berikan kitab, mengetahui bahawa Al-Quran itu adalah diturunkan dari Tuhanmu dengan sebenar-benarnya. Oleh itu, jangan sekali-kali engkau menjadi (salah seorang) dari golongan yang ragu-ragu.

(d) Allah jua yang berkuasa menghalal dan mengharamkan sesuatu. Binatang yang disembelih dengan nama Allah sahaja yang halal dimakan.

فَكُلُوا مِمَّا ذَكَرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

118. Maka makanlah dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika betul kamu beriman kepada ayat-ayatNya.

(e) Binatang yang disembelih tidak atas nama Allah dilarang daripada dimakan dan ia dipanggil fisq iaitu perbuatan fasiq dan berdosa.

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يَذْكُرْ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ ۖ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَيْكَ أَوَّلِيَّائِهِمْ لِيَجِدُوا لَكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ

﴿١٢١﴾

121. Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya, kerana sesungguhnya yang sedemikian itu adalah perbuatan fasik (berdosa); dan sesungguhnya Syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya, supaya mereka membantah (menghasut) kamu; dan jika kamu menurut hasutan mereka (untuk menghalalkan yang haram itu), sesungguhnya kamu tetap menjadi orang-orang

musyrik.

(f) Hasil-hasil tanaman barulah dianggap bersih dan suci setelah dikeluarkan zakatnya. Kita juga tidak dibenarkan bersikap boros walaupun pada perkara-perkara yang halal.

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَءَاتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

141. Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.

(g) Kaedah asas halal dan haram diberikan bahawa di dalam wahyu Allah, hanya bangkai, darah yang mengalir, daging babi, sembelihan bukan atas nama Allah itulah yang diharamkan.

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خَنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٤٢﴾

145. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah". Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhan mu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Antara kesyirikan yang berlaku di kalangan musyrikin Mekah ialah mereka menghalal dan mengharamkan sendiri banyak perkara tanpa mempedulikan syariat Allah, mereka berkata: "Ini binatang-binatang ternakan dan hasil-hasil tanaman yang diwaqafkan khusus untuk berhala-berhala.

وَقَالُوا هَذِهِ أَمْثَلُ مَا نَحْنُ بِرِجْسٍ وَلَا نَحْنُ بِمُتَشَابِهِينَ وَلَا يَذْكُرُونَ أَنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿١٤٣﴾

عَلَيْهِمْ سَيَجْزِيهِمْ بِمَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٣٨﴾

138. Dan mereka berkata lagi: "Ini adalah binatang-binatang ternak dan tanaman-tanaman yang dilarang, yang tidak boleh seorang pun memakannya kecuali sesiapa yang kami kehendaki", - menurut anggapan mereka; dan (sejenis lagi) binatang-binatang ternak yang dilarang menunggangnya; dan (sejenis lagi) bintang-bintang ternak yang tidak mereka sebutkan nama Allah ketika menyembelihnya; (semuanya itu mereka lakukan dengan) berdusta terhadap Allah. Allah akan membalas mereka disebabkan apa yang mereka telah ada-adakan itu.

Mereka juga menganggap anak dalam kandungan binatang ternakan mereka yang dilahirkan hidup hanya halal untuk kalangan lelaki, ia tidak halal untuk orang-orang perempuan.

وَقَالُوا مَا فِي بُطُونِ هَٰذِهِ الْأَنْعَامِ خَالِصَةٌ لِّذُكُورِنَا وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰ أَزْوَاجِنَا وَإِنْ يَكُن مِّمَّةً فَهُمْ فِيهِ شُرَكَاءُ سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ إِنَّهُ حَكِيمٌ

عَلِيمٌ ﴿٣٩﴾

139. Dan mereka berkata lagi: "Apa yang ada dalam perut binatang-binatang ternak itu (jika ia dilahirkan hidup) adalah halal bagi lelaki-lelaki kami dan haram bagi perempuan-perempuan kami". Dan jika ia (dilahirkan) mati, maka mereka (lelaki perempuan) bersekutu padanya (bersama-sama memakannya). Allah akan membalas mereka tentang apa yang mereka tetapkan (mengenai halal dan haram) itu. Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.

(h) Rasulullah s.a.w. dilarang daripada merestui peraturan halal dan haram ciptaan orang-orang musyrikin Mekah yang hanya berasaskan hawa nafsu semata-mata.

قُلْ هَلُمْ شُهَدَاءُكُمْ الَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ اللَّهَ حَرَّمَ هَٰذَا فَإِنْ شَهِدُوا فَلَا تَشْهَدُ مَعَهُمْ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَالَّذِينَ لَا

يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ وَهُمْ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿٤٠﴾

150. Katakanlah: "Bawalah saksi-saksi kamu memberi keterangan bahawa Allah mengharamkan (benda-benda yang kamu haramkan) ini". Kemudian jika mereka (tergamak) menjadi saksi (secara dusta), maka janganlah engkau turut sama membenarkan mereka mereka; dan janganlah engkau turut hawa nafsu orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, dan orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, sedang mereka pula menyamakan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan mereka.

(i) Allah s.w.t. mengharamkan syirik, derhaka kepada dua ibu bapa, membunuh anak-anak, melakukan perkara yang keji, baik yang nyata atau tersembunyi dan membunuh tanpa sebenar.

﴿قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّي عَلَيْكُمْ أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِنْ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطْنٌ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكَمْ وَصَّيْتُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥١﴾﴾

151. Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) - yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.

7. Berhubung dengan tauhid rahmat, terdapat beberapa ayat seperti berikut:

(a) Di hari kiamat nanti setelah mengumpulkan sekalian manusia, Allah akan menzahirkan rahmat yang telah dijanjikanNya.

﴿قُلْ لِمَنْ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلْ لِلَّهِ كَتَبَ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةُ لِيَجْمَعَ إِلَيْكُمْ يَوْمَ الْغَيْمَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾﴾

12. Bertanyalah (wahai muhammad): "Hak milik siapakah segala yang ada di langit dan di bumi?" Katakanlah: "(Semuanya itu) adalah milik Allah. Ia telah menetapkan atas diriNya memberi rahmat. Demi sesungguhnya Ia akan menghimpunkan kamu pada hari kiamat yang tidak ada sebarang syak padanya". Orang-orang yang merugikan diri sendiri (dengan mensia-siakan pengurniaan Allah), maka mereka (dengan sebab yang tersebut) tidak beriman.

(b) Maksud rahmat Allah di hari kiamat ialah manusia diselamatkan daripada azabNya, itulah kejayaan di hari kiamat.

﴿مَنْ يَصْرِفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُ وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ ﴿١٦﴾﴾

16. Sesiapa yang dijauhkan azab daripadanya pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah memberi rahmat kepadanya; dan itulah kejayaan yang jelas nyata.

(c) Allah telah menetapkan rahmat atas diriNya bahawa orang-orang yang melakukan keburukan tanpa pengetahuan dan kesedaran dan ia memperbaiki dirinya, Allah akan mengampuninya dan

merahmatinya.

وَإِذَا جَاءَكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِنَا فَقُلْ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةَ أَنَّهُ مَنْ عَمِلَ مِنْكُمْ سُوءًا بِجَهَالَةٍ ثُمَّ تَابَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَصْلَحَ فَأَنَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥٤﴾

54. Dan apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami itu datang kepadamu (dengan tujuan hendak bertaubat dari dosa-dosa mereka), maka katakanlah: "Mudah-mudahan kamu beroleh selamat! Tuhan kamu telah menetapkan bagi diriNya untuk memberi rahmat (yang melimpah-limpah): bahawasanya sesiapa di antara kamu yang melakukan kejahatan dengan sebab kejahilannya, kemudian ia bertaubat sesudah itu, dan berusaha memperbaiki (amalnya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

(d) Rahmat Allah sangat luas, bagaimanapun tidak akan berlaku ketidakadilan di hari kiamat nanti, orang-orang yang benar-benar bersalah tidak dapat mengelak diri daripada azab Allah.

فَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقُلْ رَبُّكُمْ ذُو رَحْمَةٍ وَاسِعَةٍ وَلَا يُرَدُّ بَأْسُهُ عَنِ الْقَوْمِ الْمُجْرِمِينَ ﴿١٤٧﴾

147. Kemudian jika mereka mendustakanmu (wahai Muhammad) maka katakanlah: "Tuhan kamu mempunyai rahmat yang luas melimpah-ruah, dan azab seksaNya tidak dapat ditolak dari kaum yang berdosa".

(e) Salah satu bukti rahmat tuhan yang luas itu ialah Dia menggandakan pahala kepada manusia, satu kebaikan diganda sepuluh, sedangkan balasan kepada kejahatan pula tidak diganda.

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلُهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٣١﴾

160. Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).

(f) Allah menerangkan dengan jelas kepada manusia bahawa Dia telah menjadikan mereka sebagai khalifah di muka bumi dan melebihkan sebahagian mereka dari sebahagian yang lain untuk menguji mereka pada apa yang dikurniakan kepada mereka. Kepada yang gagal dalam ujian, Dia adalah سَرِيعُ الْعِقَابِ (Maha Segera Menyiksa) dan kepada yang lulus dalam ujian, Dia adalah غَفُورٌ رَحِيمٌ (Maha Pengampun lagi Maha Penyayang).

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ

رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

165. Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

8. Musyrikin Mekah diminta supaya beriman kepada Qur'an yang penuh dengan keberkatan, mereka hendaklah mengikutinya, dengan mengikutinya sahaja mereka akan mendapat rahmat.

(a)

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُصَدِّقُ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنْذِرَ أُمَّ الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِمْ وَهُمْ عَلَى

صَلَاتِهِمْ يَحَافِظُونَ ﴿٩٢﴾

92. Dan ini ialah Kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan, yang mengandungi berkat (banyak faedah-faedah dan manfaatnya), lagi mengesahkan kebenaran (Kitab-kitab Suci) yang diturunkan sebelumnya, dan supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk "Ummul-Qura" (Makkah) serta orang-orang yang tinggal di kelilingnya; dan orang-orang yang beriman kepada hari akhirat, mereka beriman kepada Al-Quran, dan mereka tetap mengerjakan dan memelihara sembahyangnya.

(b)

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٥٥﴾

155. Dan ini sebuah Kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan, yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu menurutnya; dan bertaqwalah (kepada Allah), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat.

9. Mereka diseru kepada tauhid (صراط مستقيم) dan al-Qur'an.

(a) Dikatakan kepada orang-orang musyrikin Mekah bahawa Rasulullah s.a.w. benar-benar mengikuti agama Ibrahim, Nabi Ibrahim a.s. dahulu adalah ahli tauhid, dia bukan termasuk di kalangan orang-orang musyrikin.

قُلْ إِنِّي هَدَانِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قِيَمًا مِثْلَ آبَائِهِمْ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾

161. Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku telah diberikan petunjuk hidayah oleh

Tuhanku ke jalan yang betul lurus, (kepada) ugama yang tetap teguh, iaitu ugama Nabi Ibrahim yang ikhlas, dan tiadalah ia dari orang-orang musyrik".

(b) Orang-orang musyrikin Mekah diseru supaya mengikuti jalan yang benar, jalan yang lurus yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w., itulah jalan tauhid dan satu-satunya jalan keselamatan.

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ وَصْنُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

153. Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (ugama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.

10. Untuk membuktikan adanya tauhid uluhiyah dan tauhid ubudiyah, sifat khaliqiyah dan rububiyah dijadikan sebagai dalil.

(a) Manusia diperintah supaya menyembah خالق atau penciptanya dan rabbnya. Tiada tuhan yang layak disembah selainnya.

ذَٰلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَأَعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٠٢﴾

102. Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka beribadatlah kamu kepadaNya. Dan (ingatlah) Dia lah yang mentadbirkan segala-galanya.

(b) Rasulullah s.a.w. diperintah supaya mengikut wahyu yang diturunkan kepadanya dan menerima hanya Allah sebagai tuhan yang layak disembah, Baginda juga diperintah supaya berpaling dan tidak menghiraukan orang-orang musyrikin.

اتَّبِعْ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٦﴾

106. Ikutlah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, dan berpalinglah dari orang-orang musyrik.